

03 JAN 2000

Mahathir-Demokrasi

RAKYAT TAK AMALKAN DEMOKRASI SEPERTI BARAT

LANGKAWI, 3 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masyarakat negara ini tidak mengamalkan demokrasi seperti di negara barat kerana mereka masih mahu bermusuhan dan bersengketa walaupun selepas pilihan raya.

Beliau berkata masyarakat barat akan merapatkan hubungan sesama mereka selepas pilihan raya seperti keadaan sebelum pilihan raya.

"Di barat, parti politik terhad kepada perkara-perkara politik semata-mata dan tidak kepada kehidupan sosial," katanya ketika berucap sebelum berbuka puasa dengan penduduk di sini di masjid Al-Hana di sini.

Di negara ini, kata Perdana Menteri, rakyat nampaknya tidak mahu berbaik-baik dan merapatkan barisan di antara satu sama lain walaupun pilihan raya sudah berakhir.

"Kita meminjam demokrasi dari barat tetapi kita tidak amalkan (perpaduan) seperti mereka", katanya.

Dr Mahathir berkata semasa pilihan raya, kadang-kadang seorang calon atau parti melemparkan kata-kata kesat dan fitnah serta bohong semata-mata hendak memburukkan calon atau parti lawan.

"Sepatutnya mereka berhenti daripada melakukan perbuatan yang boleh menyebabkan perpecahan selepas pilihan raya," katanya.

Beliau berkata terdapat pihak yang meneruskan unsur-unsur perpecahan sehingga ada yang sanggup menyelitkan soal politik dalam ibadat.

"Ada yang menggunakan perhimpunan sembahyang tarawih untuk menabur fitnah dan rasa benci terhadap orang tertentu.

"Ada pihak yang menghentikan sembahyang tarawih pada rakaat keempat untuk berceramah politik sebelum menyambung semula sembahyang tarawih itu," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata keadaan itu berlaku di beberapa tempat di Malaysia.

"Ekoran itu, ada makmum yang merasa tidak senang dan tidak khusyu dalam sembahyang kerana timbul perasaan marah pada penceramah atau orang yang didakwa itu," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan hampa kerana hasratnya mengadakan pilihan raya sebelum bulan puasa bagi mengelakkan ibadat puasa tidak diganggu dengan politik, tidak menjadi kenyataan disebabkan ada orang tertentu yang tidak jemu dengan kempen politik walaupun semasa di bulan puasa.

"Saya merayu kepada semua supaya membelakangkan perkara-perkara yang boleh memecahbelahkan perpaduan umat Islam," katanya.

Beliau berkata ini kerana sejarah telah menunjukkan bahawa masyarakat Islam mudah menjadi lemah dan ditindas sekiranya mereka berpecah.

"Turunkanlah semua simbol perpecahan di kalangan kita seperti poster dan sepanduk pilihanraya," katanya.

Perdana Menteri berkata masyarakat perlu merapatkan barisan dan membelakangkan politik kepartian selepas pilihanraya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Menteri Besar Kedah, Datuk Syed Razak Syed Zain.

Dr Mahathir, Dr Siti Hasmah dan Syed Razak kemudian menunaikan sembahyang Maghrib, Isyak dan Tarawih di masjid itu.

Terdahulu, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah melawat tapak penggambaran filem "Anna and the King" dan Kampung Budaya, kedua-duanya di sini.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah akan berlepas pulang ke ibu negara selepas sembahyang Tarawih malam ini.

-- BERNAMA
JM NAK